



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Panduan Pergerakan Pelajar

Berikutan Peralihan Fasa
PPN bagi Negeri Johor ke
Fasa 4

(berkuat kuasa 25 Oktober 2021)

*Kemaskini 3 November 2021

JABATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(HAL EHWAL PELAJAR)

UTM Johor Bahru
Talian Hotline: 011-18687022
E-mel: helpdesk.hep@utm.my / tphep@utm.my

UTM Kuala Lumpur
HEP : 017-2424122
E-mel: heputmkl@utm.my

ISI KANDUNGAN

01

Kemasukan ke Kampus bagi Tujuan Menginap

02

Keluar dan Masuk Kampus secara Harian

03

Keluar Kampus bagi Tujuan Menginap

04

Kategori Kemasukan Pelajar

05

Pelajar Sabah/ Sarawak dan Borneo

06

SOP Sukan dan Rekreasi

07

SOP Penganjuran Aktiviti Secara Fizikal

08

Pemantauan SOP di Kolej Kediaman

01

Kemasukan ke Kampus Bagi Tujuan Menginap

A. SEBELUM MEMASUKI KAMPUS

1. Syarat memasuki kampus adalah sama seperti yang dinyatakan dalam Panduan Pergerakan Pelajar (Keluar / Masuk Kampus).
2. Tarikh kemasukan pelajar ke kampus untuk Fasa 4 adalah **4 hingga 8 Disember 2021 (Sabtu - Rabu)**.
3. Pelajar dikehendaki memohon melalui sistem UTMSMART dengan memilih tarikh Fasa 4 yang telah ditetapkan. Contoh :
 - ***Start Date : 4/12/2021*
 - *End Date : 4/12/2021***

4. **Pelajar TIDAK DIBENARKAN** menukar tarikh kemasukan terutama selepas menerima surat kelulusan.

5. Sekiranya tidak dapat kembali ke kampus mengikut tarikh yang ditetapkan atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, pelajar dikehendaki berhubung dengan pihak Fakulti TANPA memohon semula melalui sistem UTMSMART (mengelakkan permohonan berulang kali).

6. Bagi pelajar yang telah memohon melalui sistem UTMSMART tetapi tidak mengikut tarikh yang ditetapkan, sila hubungi Fakulti dan **TIDAK PERLU MEMBUAT PERMOHONAN BARU.**

B. SEMASA MEMASUKI KAMPUS

1. Kemasukan pelajar bermula pada 4 Disember 2021 dari jam 9.00 pagi sehingga 4.30 petang.
2. Pelajar dibenarkan memasuki kampus melalui Pintu 1 dan Pintu 3 sahaja bagi kampus UTM Johor Bahru dan Pintu Utama Kolej Siswa Jaya (KSJ) bagi UTM Kuala Lumpur.
3. Pelajar perlu menunjukkan surat kelulusan memasuki kampus.
4. Pelajar dikehendaki menjalani prosedur saringan kesihatan iaitu pemeriksaan suhu badan, imbasan MySejahtera dan imbasan QR Code Masuk Kampus.

5. Pelajar dikehendaki terus ke Rumah Alumni (UTM Johor Bahru) atau Astaka KSJ (UTM Kuala Lumpur) bagi menjalani ujian saringan sendiri RTK-Antigen Saliva. Kaedah saringan adalah secara pandu lalu.

6. Pelajar mendapatkan keputusan ujian saringan sendiri RTK-Antigen Saliva yang disahkan oleh Pegawai Perubatan Bertugas.

7. Sekiranya keputusan ujian didapati POSITIF, pelajar akan dihantar ke Pusat Kuarantin Blok S46 (UTM Johor Bahru) atau Bilik Kuarantin, Aras 4, Blok B (UTM Kuala Lumpur).

8. Sekiranya keputusan ujian disahkan NEGATIF, pelajar dibenarkan masuk ke kolej kediaman masing-masing.

02 Keluar dan Masuk Kampus secara Harian

1. Pelajar diberi kebenaran keluar dari kampus bermula dari jam 7.00 pagi hingga 10.00 malam.
2. Semasa keluar kampus, tiada sebarang dokumen yang perlu dikemukakan kepada Pengawal Keselamatan.
3. Semasa masuk kampus, pelajar perlu kemukakan perkara berikut di Pintu Keselamatan iaitu :
 - i. Mempamerkan Kad Pergerakan Pelajar atau;
 - ii. Mengemukakan Surat Kelulusan Keluar/ Masuk Kampus atau;
 - iii. Mempamerkan paparan pergerakan pelajar di UTMSmart

4. Semakan suhu, kad matrik pelajar dan pelekat kenderaan masih berkuat kuasa. Mana-mana pelajar yang tidak dapat membuktikan perkara ini tidak dibenarkan memasuki kampus.

03

Keluar Kampus bagi Tujuan Menginap

A. SEBELUM KELUAR KAMPUS

1. Pelajar dikehendaki mengisi permohonan di Sistem UTMSmart dengan memilih kategori *Holiday / Emergency*.
2. Masukkan tarikh keluar dan tarikh masuk semula ke kampus, Contoh :
 - ** Start Date 4/12/21
 - End Date : 6/12/21
3. Permohonan hendaklah dibuat TIGA (3) hari sebelum keluar kampus.

4. Permohonan perlu mendapat sokongan daripada Pengetua dan kelulusan daripada Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar).

5. Pelajar boleh menjana surat di Portal MyUTM sebelum keluar dari kampus.

B. SEMASA MEMASUKI KAMPUS

1. Sebelum memasuki kampus, pelajar adalah DIGALAKKAN menjalani ujian saringan sendiri RTK-Antigen Saliva bagi memastikan bebas daripada jangkitan virus Covid-19.

2. Semasa berada di pintu masuk, pelajar perlu kemukakan butiran berikut :

i. Mempamerkan Kad Pergerakan Pelajar atau;

ii. Mengemukakan Surat Kelulusan Keluar Menginap atau;

iii. Mempamerkan paparan pergerakan pelajar di UTMSmart

3. Mana-mana pelajar yang pulang daripada bercuti atau pulang dari kampung, setelah memasuki kampus hendaklah menjalani penilaian sendiri melalui MySejahtera dalam tempoh empat belas (14) hari. Sekiranya bergejala, pelajar dikendaki terus ke Pusat Kesihatan Universiti (PKU) bagi menjalani ujian saringan sendiri RTK-Antigen Saliva. Kos ujian adalah di bawah tanggungan pelajar sendiri.

04 Kategori Kemasukan Pelajar

1. Berdasarkan Surat Pekeliling Akademik Bil. 1/2021 bertarikh 23 September 2021 oleh Jabatan TNCA, kemasukan pelajar adalah secara berperingkat. Pelajar baharu dijadualkan masuk pada bulan Mac 2022.
2. Walau bagaimanapun, kelonggaran akan diberikan kepada pelajar dalam kategori persekitaran kurang kondusif untuk memasuki kampus pada kemasukan Fasa 4.

05 Pelajar Sabah / Sarawak dan Borneo

1. Pelajar dari Sabah / Sarawak dan Borneo masih perlu menjalani ujian RTK-Antigen Saliva sebelum memasuki kampus.
2. Kemudahan pengangkutan dari lapangan terbang ke kampus disediakan oleh pihak Universiti sehingga kemasukan Fasa 3 SAHAJA.
3. Kemasukan selepas tarikh Fasa 3 hendaklah diuruskan oleh pelajar sendiri.

06 SOP Sukan dan Rekreasi

Semua aktiviti sukan dan rekreasi sama ada secara bersentuhan atau tidak bersentuhan adalah dibenarkan dengan syarat :

- Individu perlu lengkap divaksin dan melepasi tarikh matang
- Wajib mengimbas QR Code MySejahtera
- Wajib mengimbas suhu badan (tidak melebihi 37.5°C)
- Perlu memakai *hand sanitizer*
- Perlu memakai pelitup muka sebelum dan selepas bersukan
- Memastikan langkah-langkah kebersihan sebelum, semasa dan selepas menjalankan aktiviti

- Dilarang meludah sembarang di kawasan awam
- Memastikan kebersihan diri dan memakai pakaian yang bersesuaian sepanjang melakukan aktiviti
- Meninggalkan tempat aktiviti / latihan secepat mungkin selepas melakukan aktiviti sukan dan rekreasi
- Dilarang berkongsi air minuman, makanan, pakaian, tuala muka dan peralatan peribadi Amalkan penjarakan fizikal 1 meter sebelum dan selepas bersukan
- Tiada penonton dibenarkan di tempat sukan

07

SOP Penganjuran Aktiviti Secara Fizikal

Penganjuran program/ aktiviti Persatuan/ Kelab/ Sekretariat secara fizikal adalah terhadap kepada 50 peratus kapasiti ruang dan penjarakan fizikal.

08

Pemantauan SOP di Kolej Kediaman Pelajar

1. Pelajar yang didapati tidak mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) akan diminta menjalani Ujian RTK-Antigen Saliva dengan arahan Pengetua Kolej.
2. Pelajar yang bergejala diminta berjumpa Pengetua / Fellow untuk menjalani Ujian RTK-Antigen Saliva.